

09/10/2001

Serangan Amerika boleh dipertikai

KUALA LUMPUR, Isnin - Tindakan Amerika Syarikat menyerang Afghanistan wajar dipersoalkan di persidangan antarabangsa jika ia mengakibatkan kemusnahan dan dilakukan tanpa bukti jelas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata Malaysia selama ini bersikap terbuka dalam usaha memerangi keganasan antarabangsa asalkan sesuatu tindakan itu tidak membabitkan penjajahan atau kekerasan terhadap mana-mana negara.

"Tetapi jika ia membabitkan kemusnahan sesebuah negara tanpa bukti yang jelas, itu perlu dipersoalkan di konvensyen antarabangsa yang mungkin akan diadakan tidak lama lagi," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan Amerika dan Britain menyerang Afghanistan awal pagi tadi sebagai membalas serangan penganas terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington, 11 September lalu.

Semalam, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata laporan Washington yang disampaikan Duta Amerika, Marie T Huhtala, Jumaat lalu cuma berdasarkan motif Osama bin Laden dalam kes sebelum ini.

Sebelum ini, ketika Amerika berusaha mendapatkan sokongan politik antarabangsa untuk meneruskan rancangan itu, Malaysia menentang sebarang tindakan ketenteraan terhadap mana-mana negara dan mencadangkan diadakan persidangan khas mengenai keganasan.

Pendirian Malaysia itu mendapat sokongan banyak negara, terutama negara Islam yang mahu Washington mengemukakan bukti pembabitaman Osama dalam serangan ganas itu serta tidak menyerang Afghanistan.

Malah, Presiden George W Bush sendiri menghubungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mendapatkan pandangan dan Washington membayangkan hanya akan bertindak selepas mendapat sokongan Malaysia dan negara Islam lain.

Ditanya apakah tindakan itu menunjukkan pandangan Malaysia tidak diendahkan, Rais berkata Amerika mungkin beranggapan bahawa Malaysia hanya negara kecil walaupun pendirian negara mendapat sokongan negara ketiga lain.

"Tetapi saya melihat pandangan Russia pun Amerika tidak ambil kira. Jika pandang negara seperti Russia pun tidak diambil kira, apa lagi negara kecil seperti Malaysia," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, tindakan Amerika itu yang semata-mata mahu membunuh Osama tidak akan dapat menyelesaikan masalah, tetapi akan menggalakkan lebih banyak keganasan.

(END)